

02 DEC 1999

Mahathir-Khabarovsk

MAHATHIR TEMUI TIMBALAN GABENOR Khabarovsk

LANGKAWI 2 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meluangkan masa kira-kira setengah jam bertemu Timbalan Gabenor Khabarovsk Victor Tevelevich di sebuah hotel terkemuka di sini.

Beliau berada di sini kerana menghadiri Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA '99) yang masuk hari ketiga, hari ini.

Pertemuan itu dibuat selepas Dr Mahathir merasmikan "Aspirasi 2000" anjuran Kerajaan Negeri dan Badan Amal Kebajikan Isteri-isteri dan Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah (BIDARA).

LIMA '99 menyaksikan penyertaan terbesar Rusia dengan kira-kira 30 buah syarikat dari Rusia dan bekas republik Soviet itu mengambil bahagian.

Tujuh syarikat penerbangan Rusia mengambil bahagian pada pameran itu, sekali gus menunjukkan minat yang semakin meningkat di kalangan pengeluar pesawat pejuang Rusia di rantau Asia Pasifik.

Pada Ogos lepas, Dr Mahathir pernah melawat Wilayah-wilayah Rusia termasuk Khabarovsk di mana kilang pembuatan pesawat Sukhoi dikeluarkan.

Antara sembilan pesawat Rusia yang mengambil bahagian pada pertunjukan udara ialah empat pesawat yang direka bentuk oleh Sukhoi dan tiga oleh MiG Military Production Complex.

Su-30KI itu adalah versi terbaru pesawat pejuang Su-27 yang dijual di China dan Vietnam dengan pengenalan sistem baru termasuk pengisian minyak di ruang udara, sistem GPS (kedudukan global) bersepadu dan sistem pemanduan arah yang serasi dengan barat bagi membolehkannya mendarat di mana-mana lapangan terbang di dunia.

Ia direka bentuk oleh Tentera Udara Rusia dan dikeluarkan hanya baru-baru ini.

Pesawat itu tidak boleh dibandingkan dengan pesawat Amerika Syarikat, F-16 Falcon atau F-18 Hornet kerana ia berada di dalam kelasnya yang tersendiri.

Pesawat buatan Amerika Syarikat yang paling hampir boleh dibandingkan dengan pesawat Rusia itu ialah F-15 Eagle yang digunakan bukan sahaja oleh Amerika Syarikat tetapi juga oleh Tentera Udara Arab Saudi, Israel dan Jepun dalam pelbagai versi yang berbeza.

-- BERNAMA

ZI NH zb